



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PELABURAN DILULUSKAN BAGI Q12016 BERJUMLAH RM37.3 BILION Pelaburan Domestik Mendominasi, Pelaburan Asing Meningkat

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Bagi tempoh suku pertama 2016 (Q12016), Malaysia telah mencatatkan RM37.3 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan sektor utama. Pelaburan ini melibatkan 1,271 projek dan akan mewujudkan 39,990 peluang pekerjaan.

"Walaupun persekitaran global masih lemah, Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang kompetitif bagi pelabur asing, dengan peningkatan sebanyak 28% pada suku ini. Pelaburan asing meningkat kepada RM12.8 bilion pada Q12016 berbanding RM10.0 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2015. Pelaburan domestik mendahului dengan RM24.5 bilion atau 65.7% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam Q12016," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed hari ini.

"Dengan mengambil kira kedua-dua projek utama berimpak tinggi yang diluluskan pada suku pertama tahun lepas iaitu projek PRPC di Johor dan LNG9 di Sarawak, Q12016 menunjukkan penyusutan daripada RM69.8 bilion memandangkan kedua-dua projek ini sahaja berjumlah RM35.3 bilion. Saya ingin menyatakan bahawa tanpa kedua-dua projek besar tersebut, pencapaian pada Q12016 sebenarnya menunjukkan peningkatan keseluruhan sebanyak 8.1% daripada RM34.5 bilion tahun lepas," tambah beliau.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tiga bulan pertama 2016, berjumlah RM27.6 bilion. Sebanyak 1,088 projek perkhidmatan telah diluluskan dan ianya berpotensi menjadi majikan terbesar dalam ekonomi dengan mewujudkan 20,200 peluang pekerjaan.

"Pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 112.1% daripada RM3.3 bilion pada Q12015 kepada RM7.0 bilion dalam tempoh yang sama tahun ini. Kami melihat lebih banyak penyertaan asing dalam sub-sektor perdagangan

pengedaran, perkhidmatan pendidikan, pertubuhan global, perkhidmatan kewangan dan hartanah," jelas YB Dato' Sri Mustapa.

Perdagangan pengedaran menyaksikan peningkatan sebanyak 992% penyertaan asing dari RM101.5 juta pada suku pertama tahun lepas kepada RM1,108.7 juta pada Q12016. Peningkatan pelaburan daripada peruncit serantau dan antarabangsa telah melonjakkan kedudukan Malaysia ke tempat ke-3 dalam 2016 Global Retail Development Index (GRDI) oleh AT Kearney.

Bagi sub-sektor pendidikan, peningkatan sebanyak 672.7% pelaburan asing dari RM19.3 juta pada Q12015 kepada RM149.2 juta pada S12016 mencerminkan kejayaan Malaysia mempercepatkan proses pembangunan untuk menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan serantau yang cemerlang. Sektor pendidikan swasta akan membantu usaha Kerajaan dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti kepada rakyat. Sehingga kini, terdapat 501 institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan pelbagai disiplin di setiap peringkat pendidikan termasuk sijil dan kursus-kursus profesional jangka pendek, diploma, ijazah serta kelayakan ijazah pasca-siswazah.

Pertubuhan global dan perkhidmatan pengurusan rantai bekalan global (end-to-end) kini pantas menjadi komponen penting dalam asas utama ekonomi Malaysia. Pada Q12016, MIDA telah meluluskan sebanyak 60 pertubuhan global dengan pelaburan sebanyak RM5.6 bilion. Sebahagian besarnya merupakan 6 projek Hab Prinsipal dengan jumlah pelaburan bernilai RM5.5 bilion. Pelaburan ini adalah dalam sektor aeroangkasa, elektronik & elektrik (E&E), makanan & minuman dan industri berasaskan sumber. Inisiatif Hab Prinsipal adalah antara perkhidmatan bernilai ditambah tinggi yang sedang dipromosikan oleh Malaysia.

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan mencatatkan pelaburan berjumlah RM8.9 bilion daripada 170 projek bagi tempoh Januari - Mac 2016. Projek perkilangan yang diluluskan dijangka menjana kira-kira 19,650 peluang pekerjaan.

"Walaupun terdapat penurunan pelaburan dalam sektor ini bagi suku pertama tahun ini, adalah diperhatikan bahawa Malaysia telah menarik pelaburan yang besar dalam industri kelengkapan pengangkutan, dengan peningkatan mendadak sebanyak 1,584% daripada RM40.1 juta pada Q12015 kepada RM675.7 juta pada Q12016. Industri-industri lain yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi adalah kertas, percetakan & penerbitan (944.0%), makanan (550.0%), kulit & barangan kulit (162.3%), kimia & produk kimia (159.1%), peralatan pengukuran & saintifik (78.8%) dan produk getah (57.1%).

Meskipun nilai pelaburan yang lebih rendah dalam Q12016, industri E&E muncul

sebagai penyumbang utama kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kebanyakan projek berkualiti tinggi dalam E&E tertumpu kepada solar, wafer fabrikasi dan semikonduktor.

Sektor Utama

Malaysia terus mencatatkan pelaburan yang lebih rendah dalam sektor utama disebabkan oleh cabaran harga minyak mentah global. Sektor ini mencatatkan pelaburan sebanyak RM874.9 juta pada Q12016. Subsektor perlombongan mendahului dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM692.2 juta, terutamanya daripada aktiviti cari gali minyak dan gas. Pada Q12016, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor perladangan dan komoditi adalah berjumlah RM129.0 juta, manakala sebanyak RM53.7 juta telah diluluskan dalam subsektor pertanian.

Kesimpulan

Dato' Sri Mustapa berkata, "Kami menjangkakan tahun ini akan menjadi satu lagi tahun yang mencabar bagi negara ini. Sebagai sebuah ekonomi yang pelbagai, kami percaya Malaysia boleh mengharungi dan mengatasi cabaran-cabaran ini, terutamanya dengan kemasukan pelaburan asing secara berterusan ke negara ini. Kami pasti melipatgandakan usaha untuk mencapai sasaran pelaburan di negara ini."